

Farah hadiah emas untuk UiTM

Bangi: Atlet taekwondo, Nurul Farah Alisa Roslan beraksi cemerlang bagi menyumbang emas buat Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada hari pertama acara kyorgi di Sukan Institut Pendidikan Tinggi Malaysia 2018 (SUKIPT 2018), di sini, semalam.

Kejayaan berkenaan memberi inspirasi buat atlet kelahiran Terengganu itu yang akan meng-

hadapi Kejohanan Pra Sukan Asia di Indonesia, pada bulan depan.

Pada pertembungan akhir acara lightweight 57 hingga 62 kilogram (kg), Farah mudah membelasah lawan dari Kolej Universiti Sunway, K Kogulaveni dengan keputusan 64-11.

Farah berkata dia tidak menjangkakan kemenangan selesa itu kerana ia adalah penyertaan

pertamanya di temasya berkenaan.

"Terima kasih kepada jurulatih dan rakan sepasukan yang memberi tunjuk ajar serta sokongan. Tanpa mereka, mungkin sukar untuk saya mencapai kejayaan hari ini.

Kekal rentak

"Semoga rentak ini dapat dikekalkan sehingga Pra Sukan

Asia nanti," katanya.

Sementara itu, seorang lagi atlet kebangsaan, P Thinakaran Naidu menyumbang emas buat kontinjen Universiti Putra Malaysia dalam acara featherweight kategori 63 hingga 68kg.

Pemenang pingat gangsa Sukan SEA Kuala Lumpur dalam kategori yang sama itu menewaskan Chua Xin Wei dari Kolej Universiti Sunway 31-19.